

SOALAN NO: 511

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : BL3 [PR-1341-T73316]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status terkini perumahan di kawasan Wira Jaya Taman Melati.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang menjalankan Kaedah 5 Akta 267 iaitu pelawaan bantahan pemilik berdampingan mengikut Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982. Tarikh akhir bantahan secara bertulis boleh dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah pada 18 Februari 2016.

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menjalankan sesi pendengaran bantahan sekiranya ada menerima bantahan. Seterusnya perkara ini akan dibawa ke perbincangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat untuk keputusan muktamad.